

PENDIDIKAN SPIRITUAL UNTUK ANAK JALANAN: KEPERLUAN DAN CABARAN

Farah Hamizah Samsuddin¹ & Haziyah Hussin²

¹ *Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM*

² *Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM*

Email: ¹farahhamizah18@gmail.com

Abstrak

Pendidikan spiritual berperanan meningkatkan kualiti hidup seseorang. Pendidikan ini patut mula diajar sejak kecil oleh ibu bapa di rumah. Namun, terdapat segolongan anak terpinggir digelar anak jalanan berhadapan keterbatasan dalam mendapatkan pendidikan spiritual. Hal ini disebabkan kekangan yang dihadapi seperti kehidupan di jalanan dan institusi keluarga yang goyah. Walaupun mereka berdepan dengan kekangan yang pelbagai, hak mereka dalam mendapat pendidikan terutama pembentukan nilai spiritual tidak boleh diketepikan. Artikel ini bertujuan mengkaji keperluan dan cabaran pendidikan spiritual untuk anak jalanan. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat keperluan pendidikan spiritual kepada anak jalanan dalam meningkatkan kekuatan dalaman untuk keluar dari kitaran hidup yang dihadapi. Selain itu, artikel ini bakal mengupas cabaran dalam perkembangan pendidikan spiritual kepada anak jalanan iaitu dari aspek murid dan pendidik. Pendidikan spiritual sama penting dengan pendidikan jasmani. Keseimbangan antara pendidikan membangunkan jasmani dan spiritual mempunyai kesan baik untuk jangka masa yang panjang. Oleh yang demikian, pendidikan spiritual wajar dijadikan sebagai salah satu mekanisme dalam proses intervensi bagi anak jalanan bagi meningkatkan kualiti hidup mereka ke arah yang lebih baik.

Kata kunci: *pendidikan spiritual, anak jalanan, kanak-kanak, kualiti hidup, pendidikan*

Pendahuluan

Kanak-kanak merupakan generasi pelapis negara dan mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial yang sama dan setara. Selain itu, mereka juga perlu diberikan akses pendidikan supaya masa depan negara dapat dicorakkan dengan lebih baik. Melalui agenda pendidikan baru yang dikenali sebagai *Education 2030*, peluang pendidikan wajar diperoleh serta dinikmati oleh semua lapisan masyarakat secara sama rata. Namun, terdapat sekelompok kanak-kanak yang digelar anak jalanan mengalami keciciran dari mendapat hak tersebut. Anak jalanan ialah kanak-kanak yang hidup di jalanan disebabkan oleh ketiadaan dokumen kelahiran, tiada kewarganegaraan, anak migran dan anak gelandangan. Mereka menghabiskan kebanyakan masa seharian untuk bekerja, bermain dan lain-lain aktiviti di atas jalanan. Menurut UNICEF (2009), anak jalanan termasuk dalam golongan yang terpinggir di Malaysia. Hal ini disebabkan keciciran sebahagian hak

kanak-kanak kepada mereka sebagaimana yang termaktub dalam Konvensyen dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Pendidikan dilihat sebagai suatu mekanisme yang berkesan kepada kelompok anak jalanan agar mereka dapat keluar dari kitaran kehidupan yang dialami. Selain pendidikan yang membangunkan potensi jasmani, pendidikan berbentuk spiritual juga perlu diberi perhatian. Pendidikan spiritual turut dianggap sebagai dimensi keagamaan dalam melahirkan peribadi yang baik, malah ia juga boleh mengelakkan diri dari terjerumus ke dalam permasalahan sosial (Saifulazry 2014). Kesejahteraan nilai spiritual juga boleh meningkatkan keyakinan seseorang dengan meletakkan kebergantungan kepada Allah SWT dalam mencapai sebuah kejayaan dan perubahan hidup (Siti Khatijah 2017). Menerusi Falsafah Pendidikan Negara (FPN), perkembangan secara holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dijadikan teras utama. Keseimbangan antara keempat-empat teras ini berperanan dalam pembangunan generasi yang sempurna.

Pendidikan spiritual tidak boleh diasingkan kerana keseimbangan antara fizikal dan spiritual menyempurnakan perkembangan lahiriah seseorang. Anak yang dididik dengan pendidikan spiritual memberi kesan kepada jiwa yang dipengaruhi unsur hidup beragama. Pendidikan ini juga bakal menjadi benteng dalaman kepada kelompok anak jalanan yang terdedah dengan pelbagai risiko bahaya di jalanan. Nilai ini turut menyebabkan mereka membenci dan menjauhi keburukan. Justeru, artikel ini bakal mengkaji keperluan pendidikan spiritual untuk golongan terpinggir ini. Selain itu, kajian ini turut memfokuskan kepada cabaran yang dihadapi dalam menjadikan pendidikan spiritual sebagai satu nilai tambah kepada program intervensi pembangunan dan perkhidmatan sosial kepada mereka agar kesejahteraan sosial dapat dicapai.

Metode Kajian

Kajian ini menggunakan metode kajian kualitatif. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah analisis kandungan mengenai pendidikan spiritual dari pemikiran ilmunan Islam. Selain itu, kajian-kajian lepas yang membahaskan mengenai fenomena anak jalanan di Malaysia turut dikemukakan sebagai sumber pelengkap data kajian. Seterusnya, data dianalisis dengan menggunakan metode deskriptif.

Dapatan Kajian

Fokus utama artikel ini ialah keperluan pendidikan spiritual kepada anak jalanan yang dipercayai mempunyai kepentingan dalam pembentukan modal insan. Dapatan kajian akan dimulai dengan keperluan pendidikan spiritual dan seterusnya cabaran pendidikan ini kepada anak jalanan.

a) Anak Jalanan dan Keperluan Pendidikan Spiritual

Kanak-kanak merupakan sebahagian anggota masyarakat yang penting dan menjadi aset Negara pada masa hadapan. Berdasarkan kepada Konvensyen dan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611), kanak-kanak ialah seseorang yang berumur bawah 18 tahun. Sistem sokongan sosial seperti pendidikan, kesihatan dan perlindungan perlu diberikan kepada semua kanak-kanak termasuk

anak jalanan. Anak jalanan merupakan sekelompok kanak-kanak yang menghabiskan kebanyakan masa berada di jalanan dan menjalankan aktiviti ekonomi untuk menyara hidup. Ketika di jalanan, mereka tidak mendapat perlindungan sepenuhnya dari ahli keluarga atau orang dewasa untuk memantau aktiviti harian mereka.

Menurut Surbakti dalam Rifanto (2013), terdapat tiga klasifikasi anak jalanan iaitu *children on the street*, *children of the street* dan *children in the street*. Ketiga-tiga klasifikasi ini berbeza dari sudut hubungan kekeluargaan, pemilikan tempat tinggal dan usaha dalam menjalankan kegiatan ekonomi. *Children on the street* merujuk kepada kanak-kanak yang menjalankan kegiatan ekonomi di jalanan namun masih mempunyai keluarga dan pulang ke rumah setiap hari. Kumpulan yang kedua iaitu *children of the street* merujuk kepada kanak-kanak yang menghabiskan kebanyakan masanya di jalanan dan tidak mempunyai keluarga atau memutuskan hubungan dengan keluarga kerana pelbagai faktor. Kumpulan ketiga iaitu *children in the street* merujuk kepada kanak-kanak yang menghabiskan keseluruhan waktunya di jalanan dan berasal dari keluarga yang turut tinggal di jalanan.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kewujudan anak jalanan secara umum. Faktor kemiskinan merupakan penyumbang terbesar kewujudan anak jalanan yang mengakibatkan mereka ke jalanan bagi mendapatkan peluang pekerjaan. Antara pekerjaan yang biasa dilakukan oleh anak jalanan berdasarkan kajian Siti Nur Fathanah et. al (2017) ialah menjual ikan, buah, sayur, rokok, suratkhbar, nombor ekor, upah mengangkat barang dan mengemis. Pekerjaan ini tidak memerlukan kemahiran yang tinggi dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak walaupun di bawah umur. Faktor lain yang mendorong kepada berlakunya anak jalanan ialah konflik keluarga. Terdapat antara ibu bapa mereka telah meninggal dunia atau berpisah (Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah 2017) yang menyebabkan mereka hilang tempat bergantung dan mencari pergantungan lain di jalanan.

Fenomena anak jalanan di Malaysia kebanyakannya berlaku di sekitar Kuala Lumpur dan Sabah (Child Right Coalition Malaysia 2012) namun populasi keseluruhan anak jalanan tidak dapat dipastikan di mana-mana negara yang berhadapan dengan masalah global ini (Mohamad Sharani et. al 2011). Bagi kawasan Kuala Lumpur, anak jalanan banyak didapati di kawasan Chow Kit di mana kawasan ini mengalami kepadatan penduduk dari pelbagai lapisan masyarakat dan turut dibanjiri oleh warga asing. Kawasan ini sinonim dengan kawasan yang sesak, banyak kes jenayah, sarang penagihan dadah dan pelacuran (Zaini 2016). Akibat dari kehidupan anak jalanan yang terdedah dengan gejala sosial setempat, hal ini boleh mempengaruhi anak jalanan pada umur awal usia untuk mencuba sesuatu yang baru walaupun mengetahui bahawa perbuatan itu adalah salah.

Persekitaran kehidupan di jalanan menyebabkan anak ini terdedah dengan pelbagai risiko dan nilai bahaya. Mohamad Nasir et. al (2015) dalam dapatan kajiannya mendapati terdapat tiga faktor yang menyebabkan anak-anak berisiko untuk terlibat dengan gejala yang tidak sihat. Pertama, kegagalan institusi kekeluargaan. Kedua, belunggu kemiskinan keluarga dan persekitaran. Ketiga, kekurangan sokongan daripada persekitaran. Kebanyakan anak jalanan memenuhi hampir ketiga-tiga ciri berkenaan. Hal ini menunjukkan mereka berhadapan risiko tinggi untuk terjebak dalam gejala berkenaan jika tidak diberi perhatian dan intervensi yang

sepatutnya. Maka, semua pihak perlu berperanan dan berusaha untuk melaksanakan suatu inisiatif bagi menangani isu ini dari terus meruncing.

Pendidikan dilihat sebagai suatu ruang yang wajar diberi perhatian dalam usaha menangani isu ini. Program pendidikan mampu mengubah status sosial anak-anak jalanan ke tahap yang lebih baik. Selain dari pendidikan pembangunan jasmani, pendidikan spiritual juga perlu dititikberatkan. Pendidikan spiritual mampu memberikan kesan positif dalam kehidupan manusia (Nor Aisyah et. al 2013). Kajian mengenai keperluan pendidikan spiritual sebagai langkah penanganan anak jalanan di Kota Semarang, Indonesia pernah dikaji oleh Rifanto (2015). Menerusi kajian ini, salah satu langkah penanganan yang dilakukan ke atas anak jalanan ialah memberikan bimbingan dan pemulihan dari sudut spiritual supaya mereka keluar dari kehidupan jalanan. Kajian ini dijalankan di Rumah perlindungan Sosial Anak (RPSA) Anak Bangsa yang dibina melalui Yayasan Katholik. Namun, dalam urusan spiritual, yayasan ini memberikan kebebasan kepada anak jalanan untuk mereka beribadat sesuai dengan agama dan kepercayaan masing-masing. Hal ini menunjukkan keperluan pendidikan spiritual dititikberatkan tanpa mengira batas keagamaan kerana spiritual membawa sebuah dimensi perubahan yang positif kepada seseorang yang berada dalam kesulitan.

Pendidikan merujuk kepada proses untuk membangunkan kebolehan manusia secara menyeluruh (Salina et. al 2016) manakala spiritual menurut Sa'id Hawwa (1990) merujuk kepada *ruhiyyah* yang bermaksud pembersihan jiwa dan perjalanan menuju ketuhanan Allah Yang Esa. Pendidikan spiritual menurut Rohana et. al (2010) merujuk kepada proses membina jiwa seorang hamba supaya yakin dengan kekuasaan Allah di samping menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Khalifah di atas muka bumi. Pendidikan spiritual dianggap sebagai dimensi keagamaan. Pada awal penciptaan manusia, menjadi fitrah bagi seseorang untuk mengenal Allah SWT, mengerti kedudukan sebagai hamba-Nya dan mengakui bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang layak disembah (Sa'id Hawwa 1990). Pendidikan spiritual bukan sahaja menyentuh aspek amalan keagamaan, malah ia dapat memberikan kesedaran akan tujuan asal manusia diciptakan iaitu untuk menjadi hamba dan khalifah. Apabila anak-anak dididik dengan pendidikan spiritual, ia dapat mengekalkan kepada fitrah beragama kepada mereka dan secara tidak langsung dapat mendidik keimanan dalam jiwa mereka.

Selain itu, penguasaan kepada spiritual memberi kesan positif kepada kualiti hidup (Calistina et al. 2014). Kualiti hidup yang rendah merujuk kepada ketidakupayaan dalam memenuhi keperluan asas disebabkan oleh tahap ekonomi yang rendah (Nik Mohd Azim et. al 2015). Perkara ini menyebabkan mereka mengalami penyisihan sosial. Anak jalanan merupakan kelompok kanak-kanak yang menerima kesan akibat ekonomi keluarga yang lemah sehingga menyebabkan mereka terpaksa berada di jalanan untuk menjana pendapatan. Berdasarkan kepada kajian Siti Hajar et. al (2012), individu yang mengalami penyisihan sosial bakal mengalami kecelaruan psikososial seperti kehilangan identiti diri dan budaya, kesukaran untuk membina hubungan sosial dan mengalami tekanan perasaan yang menyebabkan tahap motivasi diri menurun. Kajian oleh Salasiah et. al (2012) mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara motivasi diri dengan tahap amalan spiritual. Hal ini menunjukkan pendidikan spiritual perlu diberi penekanan bagi meningkatkan motivasi dalam diri untuk berubah ke arah kebaikan (Rafiza et. al 2017). Oleh yang demikian, pendidikan spiritual diperlukan oleh anak jalanan agar motivasi dan keyakinan diri dapat ditingkatkan dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan.

Pendidikan spiritual patut diajar pada awal usia. Perilaku dan akhlak boleh dididik melalui pendidikan spiritual. Pendidikan ini bukan sekadar pelaksanaan amalan keagamaan bersifat zahir semata-mata. Keberkesannya dapat dilihat dari perubahan dalam pelaksanaan amalan berkenaan. Perubahan dalaman ini yang mendorong diri untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan. Ibnu Khaldun menyatakan keperluan kepada pendidikan spiritual dalam mendidik ruh manusia yang mempengaruhi tingkah laku seseorang. Unsur ruh tidak dapat dilihat tetapi pengaruhnya jelas dalam tingkah laku dan pemikiran manusia. Pendidikan ini bukan sekadar menambah pengetahuan manusia bahkan mampu mendidik akhlak.

b) Cabaran Pendidikan Spiritual Untuk Anak Jalanan

Pendidikan spiritual tidak menumpukan ilmu akhirat semata-mata malah ia mencakupi ilmu duniawi. Pendidikan yang bersepadu ini perlu dibekalkan kepada anak jalanan agar mereka menjadi insan yang berilmu dan boleh berfikir tentang sesuatu secara logik dengan meletakkan keagamaan sebagai asas utama. Dalam usaha menjadikan pendidikan spiritual sebagai satu mekanisme dalam meningkatkan kualiti hidup anak jalanan, terdapat cabaran dari sudut murid dan pendidik yang dikenalpasti. Cabaran ini perlu diberi perhatian supaya penyampaian pendidikan ini dapat memberi kesan yang baik.

Cabaran dari aspek anak jalanan sebagai murid perlu diambil kira. Kebanyakan mereka menghadapi tekanan akibat konflik kekeluargaan seperti ibu atau bapa yang terlibat dengan gejala jenayah, keluarga yang tidak mengambil berat, keluarga yang sibuk bekerja, keluarga yang berpisah dan keluarga yang meninggal dunia. Mereka hilang tempat bergantung dan menjadikan jalanan sebagai tempat untuk menghabiskan masa. Kehidupan di jalanan tanpa pengawasan dari ibu bapa mahupun orang dewasa memberikan kebebasan kepada mereka untuk melakukan pelbagai aktiviti. Anak-anak ini sepatutnya dikawal kerana umur mereka yang mentah dan perlu dididik dengan kasih sayang. Spiritual anak-anak perlu dilentur sejak dari usia kecil oleh ibu bapa. Pendidikan menerusi kekeluargaan ini berlaku dalam keadaan informal melalui proses interaksi dan sosialisasi sepanjang masa di rumah. Konflik kekeluargaan menyebabkan usaha didikan ini tidak dapat dilaksanakan.

Selain itu, terdapat segelintir anak jalanan yang mengalami keciciran dari arus pendidikan. Keciciran ini berlaku disebabkan pengaruh dalaman mereka sendiri yang mempunyai sikap malas, kurang yakin diri serta malu dengan masyarakat (Anuar & Norhaidawati 2016). Motivasi diri mereka perlu ditingkatkan supaya pengaruh dalaman ini dapat disingkirkan dan mereka dapat kembali ke sekolah semula. Keciciran pendidikan juga disebabkan oleh ketiadaan sijil kelahiran untuk pendaftaran sekolah disebabkan oleh kegagalan ibu bapa mendaftarkan perkahwinan setelah berkahwin di luar negara atau ibu bapa migran. Disebabkan ketiadaan sijil kelahiran, maka anak ini disekat daripada mendapat akses pendidikan sebagaimana kanak-kanak lain. Konflik ini turut menyumbang kepada tumpuan memberikan pendidikan spiritual menjadi terbatas. Oleh yang demikian, isu keciciran ini perlu ditangani supaya mereka dapat ke sekolah dan mendapat akses pendidikan formal sama seperti kanak-kanak lain.

Dalam merealisasikan penerapan pendidikan spiritual kepada anak jalanan, pendidik bukan sahaja berperanan penting sebagai pengantara dalam memindahkan maklumat kepada murid, malah berperanan dalam mendidik jasmani dan rohani murid berkenaan supaya perkembangan modal insan yang seimbang dapat dilahirkan (Asmawati et al. 2015). Tujuan utama pendidikan merujuk kepada pembentukan dan keseimbangan antara keduanya. Maka pendidik perlu memiliki personaliti dan sahsiah. Pendidik dianggap sebagai *role model* dan diperhatikan gerak oleh murid sama ada di dalam mahupun di luar kelas. Personaliti seorang guru dapat dilihat dari perwatakan mereka yang dipupuk melalui sifat-sifat spiritual dan fizikal. Selain itu, personaliti yang unggul dapat dicapai dengan perasaan dedikasi seorang guru terhadap tugas yang dilakukan. Oleh yang demikian, pendidik perlu sentiasa memupuk personaliti dan sahsiah yang terpuji dalam diri.

Pendidik juga bertanggungjawab memahami kesediaan murid yang terdiri dari anak jalanan. Anak ini menjadi mangsa tekanan fizikal dan mental akibat dari kitaran hidup. Pendidik perlu bertindak bijak dalam menyesuaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dengan keadaan mereka. Penyampaian kandungan pembelajaran mesti disesuaikan secara berperingkat dengan memerhatikan kesediaan murid. Penguasaan metod-metod pengajaran membantu dalam hal ini. Pendidik perlu peka akan iklim dan keadaan dalam kelas. Metod pengajaran yang pelbagai boleh mengubah suasana semasa proses pembelajaran murid dan rangsangan ini penting dalam menarik perhatian dan minat murid. Hal ini bagi menarik minat anak jalanan ini untuk mendalami pendidikan spiritual yang bakal memberi kesan positif kepada hidup mereka.

Dalam pendidikan spiritual, tumpuan bukan sekadar membangunkan spiritual malah turut mencakupi jasmani. Pendidikan spiritual juga merupakan ilmu yang berguna untuk jangka masa panjang. Proses pengajaran dan pembelajaran menyumbang kepada keberkesanan dalam mencapai tujuan pendidikan spiritual. Proses pengajaran memerlukan peranan pendidik mendalami dan membuat persediaan ilmu pengetahuan berkaitan kepelbagaian metod pengajaran manakala proses pembelajaran pula memerlukan peranan murid dalam menyediakan diri untuk mendapat ilmu pengetahuan dan pengalaman baru. Proses ini saling berkaitan dan memerlukan keduanya memainkan peranan.

Kesimpulan

Pendidikan spiritual anak jalanan ini perlu dititikberatkan sebagai usaha nilai tambah yang perlu diberi perhatian dalam proses intervensi anak jalanan untuk bebas dari kemelut yang dihadapi. Berdasarkan kepada keperluan pendidikan spiritual, pendidikan ini wajar diperkasakan oleh semua pihak yang menjalankan aktiviti intervensi kepada anak jalanan. Keberkesanan proses pembelajaran pendidikan berbentuk spiritual ini bergantung kepada kebijaksanaan memilih pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan dan kesediaan anak jalanan. Pengabaian pendidikan spiritual bakal memberi suatu ancaman dan kesan buruk kepada peribadi anak jalanan yang kehidupan mereka terdedah dengan nilai bahaya dan gejala sosial.

Rujukan

- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd. 2016. Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. doi: 10.13140/RG.2.2.15130.75202.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri & Azreen Effendy Mohamad. 2015. Pendidikan Untuk Semua: Amalannya Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InjET)* 1(2): 1-7.
- Calistina Ubeh, Ferlis Bullare @ Bahari & Peter Voo Su Kiong. 2014. Kesejahteraan Subjektif Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-kanak Kurang Upaya Pembelajaran: Peranan Komitmen Keagamaan dan Sokongan Sosial. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. 1-8.
- Children Rights Coalition Malaysia. 2012. *Status Report On Children's Right In Malaysia*. Jabatan Kebajikan Masyarakat. t.th. Dasar Pelindungan Kanak-Kanak Negara. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczN0RLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09> [19 November 2017].
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Laporan Tahunan 2016: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Mohammad Nasir Bistamam, Aslina Ahmad, Amelia Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohd Bazlan Mustafa, Noraini Ismail, Samsiah Mohd Jais, Faizura Rohaizad & Mohd Noor Idris. 2015. Profil Tingkah Laku Remaja Berisiko Mengambil Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 9(1): 1-19.
- Mohamad Sharani Ahmad, Risalshah Latif & Wan Anor Wan Sulaiman. 2011. Kanak-kanak Jalanan Sabah. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 37: 43-56.
- Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis & Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan. 2017. Pendidikan Rohani Berasaskan Sains al-Quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilation (ACER-J)*. 1(1):64-77.
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. 2017. Memahami Permasalahan Golongan Terpinggir di Bandar: Kajian Kes Gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Jurnal Geografia*. 5(2): 78-94.
- Nik Mohd Azim Nik Ab Malik, Mohd Adib Ismail & Shahida Shahimi. 2015. Penyisihan Sosial dan Penyelesaiannya Melalui Mekanisme Filantropi Islam. *Jurnal Muamalat*. 8: 77-99.
- Nor Aishah Abdul Aziz, Mohd. Zolkifli Abd. Hamid, Ismail Saliyan, Nurul Izzati Mohd. Fuad. 2013. Kualiti Pendidikan di IPT: Pendekatan Spiritual Dalam Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education 2013. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Johor Bahru, Johor, 7 - 10 October.
- Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long & Zaizul Ab Rahman. 2017. Keperluan Gelandangan Terhadap Sistem Sokongan Agama. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(1): 82-92.
- Rifanto Ridwan & Ibnor Azli Ibrahim. 2012. Ahkam al-Laquit: Konsep Islam Dalam Menangani Anak Jalanan di Indonesia. *Jurnal Tsaqafah* 8 (2): 311-330.
- Rifanto Ridwan. 2013. Permasalahan Anak Jalanan dan Penyelesaiannya Menurut Syariah, Undang-undang dan Hak Asasi Manusia: Kajian Kes di Kota Semarang Indonesia. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Syariah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rohana Hamzah, Kamarudzaman Md Isa & Roziah Mohd Janor. 2010. Spiritual Education Development Model. *Journal of Islamic and Arabid Education*. 2(2): 1-12.
- Said Hawwa. 1990. *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Saifulazry Mokhtar. 2014. Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. 2012. Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam. Prosiding Seminar Pemantauan Penyelidikan Tindakan/Strategik.
- Salina Mat Sehor, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis Abidin Lubis. 2016. Metafizik Islam Menangani Unsur Sekularisme dalam Pendidikan Moden Masa Kini. Dlm. *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam Isu dan Cabaran*, disunting oleh Maimun Aqsha Lubis Abidin Lubis, Nor Faizah Abu Hashim & Nur Syamira Abdul Wahab, 29-41. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria, Haris Abd Wahab. 2012. Intervensi Sosial Untuk Komuniti Tersisih: Ke Arah Pembangunan Ummah. *Jurnal Hadhari*. 4(2): 29-44.
- Siti Khatijah Said. 2017. The Influence of Spiritual Well-Being Towards Generic Skills Among Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 7(8): 137-145.
- Siti Nur Fathanah Abd Hamid, Yarina Ahmad & Nor Suziwana Tahir. 2017. Can Street Children Rely on “Friend” to Survive on the Streets? A Comparative Study between Street Children in Kuala Lumpur City and Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Administrative Science Special Edition: Socio-Economic Issue*. 14(3): 1-20.
- United Nations Children’ Fund (UNICEF) Malaysia. 2009. Hak Untuk Semua Kanak-Kanak.